

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN SIM CHEE KEONG**  
[ BUKIT MERTAJAM ]  
**TARIKH : 20 MAC 2018**  
**SOALAN : 20**

**YB Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penggunaan serta rancangan perluasan (*expansion*) Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Besar Pulau Pinang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Status penggunaan Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Pulau Pinang sememangnya sangatlah optimum. Susulan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang telah dan sedang melaksanakan perluasan dan naik taraf bagi kesemua hospital tersebut.

**Hospital Seberang Jaya** mempunyai 314 buah katil dengan kadar penggunaan katil (BOR) sebanyak 105%. Menyedari akan kesesakan tersebut, Kementerian Kesihatan telah merancang dan telahpun diluluskan projek pembinaan *Multistorey Block* (dengan izin) yang akan memberikan tambahan katil sebanyak 316 buah lagi menjadikan jumlah keseluruhan katil sebanyak 630 buah katil. Selain itu, lain-lain kemudahan yang berkaitan seperti 6 buah Dewan Bedah, Klinik Pakar, Unit Rawatan Rapi, Unit Rehabilitasi serta lain-lain. Projek ini sedang di peringkat pembinaan dan status sehingga Januari 2018 adalah 15.75%. Projek ini dijadualkan siap pada 15 November 2019.

Selain projek *Multistorey Block* (dengan izin) tersebut, pihak KKM juga sedang melaksanakan Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya secara Reka dan Bina iaitu pembinaan Blok Bangunan Jabatan Kecemasan dan Dewan Bersalin. Status projek tersebut sehingga Januari 2018 adalah 47% dan dijadualkan siap pada 16 Jun 2018.

Bagi projek menaik taraf bagi **Hospital Besar Pulau Pinang**, Kementerian Kesihatan telah diluluskan beberapa projek seperti berikut:

- 1) Tambahan katil sebanyak 329 katil di Blok Wanita dan Kanak-kanak dan pada masa ini sedang di peringkat perolehan (tender); dan
- 2) Pembinaan Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang yang akan menyediakan tambahan katil serta lain-lain kemudahan sokongan berkaitan termasuk dewan bedah, klinik pakar, Jabatan

Kecemasan dan sebagainya. Projek ini dalam peringkat perancangan awal oleh agensi pelaksana (Jabatan Kerja Raya).

Manakala, projek-projek naik taraf yang lain yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun ini adalah:

- i. Kompleks steril di stor integrasi lama;
- ii. Naiktaraf Bangunan Rawatan Intensif Pediatrik;
- iii. Naiktaraf Sistem Hawa Dingin Blok B; dan
- iv. Naiktaraf Sistem Gas Perubatan.

Untuk makluman YB Bukit Mertajam, **Hospital Bukit Mertajam** adalah merupakan sebuah hospital berpakar berkapasiti 242 katil menyediakan kepakaran dalam pelbagai disiplin termasuk Perubatan, Kecemasan, Otorinolaringologi, Paediatric, Obstetrik & Ginekologi, Oftalmologi, Anestesiologi serta Psikiatri. Kadar Penggunaan Katil (BOR) di Hospital Bukit Mertajam adalah sebanyak 69.76% pada tahun 2017.

Di bawah RMK-11, KKM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM7juta bagi menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Dewan Bedah, naiktaraf bekalan Elektrik Utama dan dewan bedah, naik taraf *Medical Gas* (dengan izin) dan naiktaraf sistem bekalan Air.

Selain dari itu, beberapa perancangan pembangunan untuk perluasan di Hospital Bukit Mertajam sedang dipertimbangkan antaranya:

- 31  
1) Menempatkan Jabatan Pesakit Luar ke tapak Bangunan Asrama Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam yang telah dikosongkan yang berkeluasan lebih 0.8 ekar; dan
- 2) Bangunan Pejabat Pentadbiran Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam akan dijadikan Klinik Mata.